

TAHAP KEPERCAYAAN KECERDASAN DIRI DALAM KALANGAN PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA DI SELANGOR (*The Level of Self Intelligence Among Students of Private Higher Learning Institutions In Selangor*)

* **Suhana Mohamed Lip¹, Shazarina Zdainal Abidin², Suziana Hanini Sulaiman³, Muhammad
Fuad Ishak⁴, Sapie Sabilan⁵, Norshilawani Shahidan⁶, Natasha Ariffin⁷**

Submitted: 24-Apr-2024
Accepted: 02-Mei-2024
Revised: 24-Jun-2024
Published: 30-Jun-2024

¹Fakulti Pendidikan
Universiti Islam Selangor (UIS)
43000 Kajang, Selangor, Malaysia

*Corresponding author's email: suhana@uis.edu.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengkaji tahap kepercayaan kecerdasan diri dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi swasta di Selangor. Kajian tinjauan yang dijalankan secara deskriptif merangkumi 100 orang responden dari program Sarjana Muda Pendidikan Islam dan TESL, Fakulti Pendidikan UIS dan UNISEL. Hasil dapatan data kajian yang dianalisis menggunakan SPSS versi 26 menunjukkan tahap kepercayaan kecerdasan diri pelajar di kedua-dua buah institusi adalah di peringkat sederhana tinggi. Konstruk bagi tahap kepercayaan kecerdasan diri ini merangkumi elemen kepercayaan kecerdasan diri dari aspek kepercayaan terhadap keupayaan kognitif, kemahiran dan pencapaian. Hasil dapatan kajian bagi konstruk tahap kepercayaan kecerdasan diri dari 28 orang responden lelaki dan 72 orang responden perempuan dari UIS dan UNISEL menunjukkan pencapaian skor min yang sederhana tinggi dengan nilai skor min keseluruhan 3.60. Hasil dapatan kajian keseluruhan dari penyelidikan ini diharapkan dapat memberikan indikator dalam pembangunan sistem sokongan pengajaran dan pembelajaran pelajar bagi peningkatan pencapaian akademik secara keseluruhan.

Kata kunci: kepercayaan kecerdasan diri, pencapaian akademik, keupayaan diri, sistem sokongan

Abstract

This study aims to examine the level of self-intelligence belief among students of private higher education institutions in Selangor. This descriptive survey study includes 100 respondents from the Bachelor of Islamic Education and TESL program from the Faculty of Education UIS and UNISEL. The data of the research were analyzed using SPSS version 26 showed that the level of self-confidence of the students in both institutions was at a medium-high level. The construct for the level of self-intelligence belief includes elements of self-intelligence in the aspects of belief in cognitive ability, skills and achievement. The results of the level of self-intelligence belief among 28 male respondents and 72 female respondents from UIS and UNISEL showed a moderately high mean score with an overall mean score of 3.60. The overall outcomes from this research are expected to provide indicators in the development of a teaching and learning support system for students in enhancing their overall academic achievement.

Keywords: self-intelligence belief, academic achievement, self-efficacy, support

1.0 PENGENALAN

Kecerdasan diri merangkumi keupayaan untuk memahami makna emosi dan menghubungkan perasaan serta mengurus emosi diri, menangani gangguan emosi dan menyelesaikan masalah emosi. Shima et al (2021) mendefinisikan kecerdasan diri kepada keupayaan mengurus emosi, memahami emosi orang lain dan menyesuaikan diri dengan keadaan semasa. Secara umumnya, kecerdasan diri terbahagi kepada dua kategori iaitu: intrapersonal dan interpersonal. Kecerdasan intrapersonal atau kecerdasan dalaman merupakan keupayaan untuk mengawal kehidupan dan perasaan sendiri. Manakala, kecerdasan interpersonal atau kecerdasan luaran adalah kebolehan untuk mengaitkan dan memahami niat dan keinginan orang lain.

Selain itu, konsep kepercayaan diri menurut Peter Lauster (2002) dalam Nurfauziah (2017) adalah keyakinan terhadap kemampuan diri sehingga seseorang itu dapat bertindak secara positif sesuai dengan kehendak dan tanggungjawabnya tanpa dipengaruhi oleh orang lain. Ia bermaksud individu yang mempunyai kepercayaan diri yang tinggi lebih yakin menentukan arah tuju tindakannya dengan baik bersesuaian dengan kehendak diri dan persekitaran. Konsep kepercayaan diri ini dipengaruhi oleh faktor internal iaitu sisi dalaman individu berdasarkan konsep sendiri yang dibentuk, nilai atau penghargaan seseorang kepada dirinya, keadaan fizikal seseorang dan pengalaman hidup yang dilalui oleh seseorang sepanjang kehidupannya. Manakala kepercayaan diri yang dipengaruhi oleh faktor eksternal adalah aspek kepercayaan diri yang diterima daripada sisi luaran melalui didikan yang diterapkan, pekerjaan yang dilakukan dan keadaan persekitaran yang dihadapi (Nurfauziah, 2017).

Berdasarkan Teori Kepercayaan Diri Lauster (2002), pembentukan kepercayaan diri berlaku melalui pembentukan keperibadian, pemahaman individu tentang kelebihan diri, penerimaan terhadap kelemahan diri dan pengalaman dalam menggunakan kelebihan diri. Teori ini memperlihatkan bagaimana individu melihat dirinya dan membentuk keperibadiannya sama ada dalam bentuk positif atau negatif. Pelajar yang mempunyai kepercayaan diri yang tinggi berupaya menerima pembelajaran yang disampaikan serta mengembangkan pontesi yang dimiliki dalam pembelajaran dengan lebih berkesan (Nur Fauziah, 2017; Hilman Muttaqin Gunawan, 2018). Namun begitu, terdapat golongan pelajar yang mempunyai kepercayaan diri yang negatif yang menyebabkan mereka kurang keyakinan terhadap kemampuan diri dan menghadapi kesukaran dalam memotivasikan diri untuk peningkatan dan kemajuan. Kepercayaan diri secara negatif ini menyumbang kepada pemasalahan prestasi akademik yang kurang memberangsangkan bagi segolongan pelajar di pelbagai peringkat pendidikan. Menurut Acosta-Gonzaga E. (2023), apabila pelajar tidak mempercayai sepenuhnya kebolehan mereka untuk melaksanakan tugas akademik, mereka menunjukkan emosi seperti kebosanan, kebimbangan, kesedihan, atau kekecewaan, dan menunjukkan tingkah laku seperti pasif, gangguan, dan perasingan mental. Ia bukan sahaja berlaku di peringkat sekolah, tetapi juga di pusat pengajian tinggi, di mana sebahagian pelajar mendapat pencapaian yang lemah berbanding pelajar lain dan akhirnya mengalami keciciran. Pemasalahan ini perlu ditangani dengan mengenalpasti faktor sendiri pelajar yang menjadi punca atau pengaruh kepada prestasi akademik mereka selain dari faktor luaran yang lain dengan program-program yang bersesuaian bagi membantu pelajar mempertingkatkan kepercayaan dan kecerdasan diri secara lebih positif. Sophomore et. al. (2023) menekankan keperluan intervensi memupuk harga diri dan kepercayaan yang positif dalam penglibatan proses pembelajaran bagi meningkatkan prestasi akademik pelajar.

Dapatan dari kajian-kajian lepas menunjukkan hubungan yang ketara antara kepercayaan kecerdasan diri, keyakinan diri ke atas pencapaian akademik. Kajian Najme Nasiri et al (2022) mengfokuskan kepada peranan kebolehsuaian ciri personaliti (*conscientiousness*) dan kepercayaan kecerdasan dengan hasil akademik. Kajian ini merangkumi populasi 315 pelajar sekolah menengah dengan 170 pelajar perempuan dan 145 pelajar lelaki yang telah dipilih melalui kaedah persampelan yang boleh diakses. Kaedah pengumpulan data soal selidik telah diadaptasi dari Rhodewalt dan Jones Self Handicapping Questionnaire (1982) dan Inventori Personaliti Neo (Costa dan McCurry, 1985). Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor personaliti dan kepercayaan kecerdasan mempunyai kesan langsung yang signifikan terhadap hasil akademik pelajar. Manakala kajian Laryea J.E. et al (2014) pula mengfokuskan kepada pengaruh konsep sendiri pelajar terhadap prestasi akademik. Seramai 297 pelajar sekolah rendah yang dipilih secara rawak dengan melengkapkan soal selidik yang terdiri daripada 40 item tertutup berkaitan konstruk konsep sendiri pelajar. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa konsep sendiri pelajar dilihat secara positif; namun, konsep sendiri ini tidak meramalkan secara langsung prestasi akademik pelajar. Ia hanya berlaku apabila pelajar dapat menggunakan beberapa tahap usaha dalam mempelajari apa yang telah diajar semasa pengajian mereka. Oleh itu, pihak guru, ibu bapa, dan pihak berkepentingan harus memainkan peranan bagi menekankan konsep sendiri kerana ia berupaya mempengaruhi perkembangan konsep sendiri positif dalam kalangan pelajar. Selain itu, kajian Zahra Shabani et al (2022) pula mengkaji hubungan antara kepercayaan IQ dan prestasi dalam kursus kimia dengan pengawalan sendiri emosi dalam kalangan pelajar. Penemuan keseluruhan dari kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan signifikan statistik antara kepercayaan kecerdasan, pengawalan sendiri emosi dan prestasi kursus pelajar. Selain itu, dapatan kajian juga mendapati kepercayaan kecerdasan dan pengawalan sendiri emosi mempunyai kesan langsung kepada prestasi pelajar dalam bidang serta kesan yang signifikan terhadap prestasi pelajar bagi kursus melalui pengantaraan pengawalan sendiri emosi.

Umumnya, kejayaan akademik pelajar bukan sahaja dipengaruhi oleh keupayaan dan kemahiran diri, tetapi juga dipengaruhi oleh aspek kepercayaan kecerdasan diri pelajar sendiri. Kajian lepas mendapati kebanyakan pelajar bermula dengan satu atau dua konsep berkaitan keupayaan intelek atau kognitif sendiri. Sebahagian pelajar mempercayai kecerdasan adalah bersifat kekal, manakala sebahagian yg lain mempercayai bahawa kecerdasan mereka boleh dipertingkatkan. (Dewar, 2010). Situasi ini perlu dikaji dengan lebih mendalam dalam usaha mempertingkatkan hasil pembelajaran pelajar dan pencapaian akademik dan diri pelajar secara keseluruhan.

Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan menentukan tahap kepercayaan kecerdasan diri pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Selangor bagi melihat sejauh mana pelajar yakin dengan kemampuan diri mereka dalam akademik. Beberapa objektif khusus telah distruktur dalam menentukan tahap kepercayaan kecerdasan diri pelajar seperti berikut:

1. Menenalpasti tahap kepercayaan kecerdasan diri dari aspek keupayaan kognitif pelajar dalam kalangan pelajar UIS dan UNISEL.
2. Menenalpasti tahap kepercayaan kecerdasan diri dari aspek kemahiran sendiri pelajar dalam kalangan pelajar UIS dan UNISEL.
3. Menenalpasti tahap kepercayaan kecerdasan diri dari aspek keyakinan sendiri pelajar dalam kalangan pelajar UIS dan UNISEL.

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian deskriptif ini menggunakan kaedah tinjauan bagi mengkaji tahap kepercayaan kecerdasan diri pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Swasta di Selangor iaitu pelajar dari Fakulti Pendidikan UIS dan Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial UNISEL. Sampel kajian adalah terdiri daripada 100 orang pelajar semester 3 hingga 5 dari program Sarjana Muda TESL dan Pendidikan Islam bagi kedua-dua institusi. Majoriti responden adalah terdiri dari 74% program Sarjana Muda Pendidikan Islam, manakala 24% pelajar Sarjana Muda TESL. Selain itu, responden merangkumi 72% pelajar Perempuan dan 28% pelajar lelaki.

Instrumen bagi kajian ini melibatkan satu set soal selidik yang terbahagi kepada konstruk persepsi pelajar terhadap tahap kepercayaan kecerdasan diri yang merangkumi aspek keupayaan kognitif, kemahiran dan keyakinan diri. Kajian ini dilakukan secara atas talian menggunakan aplikasi *google form*. Hasil dapatan kajian dianalisis menggunakan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 26.0 bagi mendapatkan peratusan dan skor min berkaitan tahap kepercayaan kecerdasan diri pelajar dalam kalangan pelajar UIS dan UNISEL.

Jadual 2.1: Taburan dan Peratusan Responden Mengikut Program Pengajian

Insituti Pengajian	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)	Program Pengajian		Peratus
		Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL)	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam	
	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)	17	63	80
	Universiti Selangor (UNISEL)	9	11	20
Jumlah		26	74	100

Jadual 2.1 menunjukkan majoriti responden adalah dari program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam iaitu seramai 74% , manakala 26 % yang lain merupakan pelajar Sarjana Muda TESL dari kedua-dua institusi.

Jadual 2.2: Taburan dan Peratusan Responden Mengikut Semester

Insituti Pengajian	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)	Semester			Total
		3	4	5	
	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)	44	28	8	80
	Universiti Selangor (UNISEL)	10	6	4	20
Jumlah		54	34	12	100

Jadual 2.2 menunjukkan majoriti 54 daripada 100 (54%) responden adalah dari semester 3, 34 daripada 100 orang responden (34%) dari semester 4, dan 12 daripada 100 orang (12%) responden adalah dari semester 5.

Jadual 2.3: Taburan dan Peratusan Responden Mengikut Jantina

		Jantina		Jumlah %
		Lelaki	Perempuan	
Insituti Pengajian	Universiti Islam Selangor (UIS)	22	58	80
	Universiti Selangor (UNISEL)	6	14	20
Jumlah		28	72	100

Jadual 2.3 menunjukkan 58% responden adalah terdiri dari pelajar perempuan dan 22% pelajar lelaki dari UIS, manakala 14 % yang lain adalah pelajar perempuan dan 6% pelajar lelaki dari UNISEL. Secara keseluruhannya, 28% responden adalah pelajar lelaki dan 72% adalah pelajar perempuan.

3.0 DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian mendapati keseluruhan responden bagi kedua-dua institusi adalah terdiri dari kalangan pelajar yang mencapai CGPA 3.50-4.00 iaitu sebanyak 54%. Manakala seramai 43% adalah pelajar yang mencapai pencapaian sederhana tinggi iaitu dengan CGPA 3.00-3.49 dan hanya 3% responden memperolehi 2.00-2.99 pencapaian CGPA bagi keseluruhan semester pengajian bagi kedua-dua institusi.

Bagi aspek tahap kecerdasan diri pelajar IPT terhadap keupayaan kognitif sendiri, hasil dapatan kajian adalah seperti berikut;

Jadual 3.1 Data Tahap Kepercayaan Kecerdasan Diri bagi Aspek Keupayaan Kognitif Kendiri Dalam Kalangan Pelajar IPTS

	Jumlah	Sisihan Piawai	Min	Interpretasi
B1. Saya mudah memahami pembelajaran yang disampaikan oleh pensyarah.	100	.72884	3.79	Sederhana Tinggi
B2. Saya berupaya menyelesaikan tugas yang diberikan pensyarah tanpa bantuan.	100	.80679	3.34	Sederhana Tinggi
B3. Saya sentiasa menjadi rujukan rakan-rakan dalam pembelajaran.	100	.83333	3.45	Sederhana Tinggi
			3.53	Sederhana Tinggi

Merujuk kepada hasil dapatan kajian bagi tahap kepercayaan kecerdasan diri bagi aspek keupayaan kognitif pelajar, secara keseluruhannya aspek ini mendapat pencapaian min sederhana tingi dengan skor min keseluruhan 3.53. Item dengan min tertinggi adalah berkaitan keupayaan pelajar memahami pembelajaran dengan mudah dengan pencapaian skor min 3.79. Manakala min terendah adalah bagi item keupayaan pelajar menyelesaikan tugas tanpa bantuan orang lain iaitu dengan skor min 3.34.

Jadual 3.2 Data Tahap Kepercayaan Kecerdasan Diri bagi Aspek Kemahiran Kendiri Dalam Kalangan Pelajar IPTS

	Jumlah	Sisihan Piawai	Min	Interpretasi
B4. Saya mahir berkomunikasi dengan pelbagai pihak dalam menyelesaikan tugas.	100	.76963	3.56	Sederhana Tinggi
B5. Saya mahir menggunakan teknologi dalam mendapatkan bahan pembelajaran.	100	.73278	3.78	Sederhana Tinggi
B6. Saya mengaplikasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam menyelesaikan masalah.	100	.69711	3.67	Sederhana Tinggi
			3.67	Sederhana Tinggi

Merujuk kepada Jadual 2 bagi hasil dapatan kajian berkaitan tahap kepercayaan kecerdasan diri bagi aspek kemahiran sendiri pelajar, pencapaian min secara keseluruhan adalah sederhana tinggi dengan skor min keseluruhan 3.67. Item dengan min tertinggi adalah berkaitan dengan kemahiran pelajar dalam menggunakan teknologi dalam mendapatkan bahan pembelajaran dengan pencapaian skor min 3.78. Manakala min terendah adalah bagi item kemahiran berkomunikasi dengan orang lain bagi menyelesaikan tugas iaitu dengan skor min 3.34.

Jadual 3.3 Data Tahap Kepercayaan Kecerdasan Diri bagi Aspek Keyakinan Kendiri Dalam Kalangan Pelajar IPTS

	Jumlah	Sisihan Piawai	Min	Interpretasi
B7. Saya mempunyai keyakinan diri yang tinggi.	100	.79366	3.42	Sederhana Tinggi
B8. Saya selalu berasa kurang pandai berbanding orang lain.	100	.99874	3.35	Sederhana Tinggi
B9. Saya sering berasa kurang pasti dengan jawapan dan pandangan saya.	100	.90671	3.31	Sederhana Tinggi
B10 Saya percaya saya boleh bergraduasi dengan gred yang cemerlang.	100	.68902	4.30	Tinggi
			3.56	Sederhana Tinggi

Jadual 3.3 menunjukkan hasil dapatan kajian berkaitan tahap kepercayaan kecerdasan diri bagi aspek keyakinan sendiri pelajar. Pencapaian min secara keseluruhan adalah sederhana tinggi dengan skor min keseluruhan 3.56. Item dengan min tertinggi adalah berkaitan dengan keyakinan pelajar berupaya bergraduasi dengan gred yang cemerlang dengan pencapaian skor min 4.30. Manakala skor min terendah adalah bagi item ketidakpastian pelajar terhadap jawapan dan pandangan mereka iaitu dengan skor min 3.31 sahaja.

Secara keseluruhannya, analisis konstruk bagi tahap kepercayaan kecerdasan diri berada di tahap sederhana tinggi bagi responden kedua-dua institusi yang juga mempamerkan tahap kepercayaan sendiri pelajar tentang keupayaan diri, kemahiran dan keyakinan sendiri.

4.0 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Konstruk bagi tahap kepercayaan kecerdasan diri ini merangkumi elemen kepercayaan kecerdasan diri dari aspek kepercayaan terhadap keupayaan kognitif, kemahiran dan keyakinan terhadap pencapaian sendiri.

Hasil dapatan kajian bagi konstruk tahap kepercayaan kecerdasan diri dari 28 responden lelaki dan 72 orang responden perempuan dari UIS dan UNISEL menunjukkan pencapaian skor min yang sederhana tinggi dengan nilai skor min 3.60. Dweck (1999), menyatakan dalam teorinya berkaitan dengan konsep sendiri yang memberi impak signifikan kepada motivasi dan pencapaian pelajar. Teori ini mengfokuskan kepada proses perkembangan kepercayaan diri dan bagaimana kepercayaan ini membentuk pemikiran, perasaan dan tingkah laku seseorang. Pendekatan konsep sendiri Dweck (1999), mendedahkan faktor yang menyebabkan sesetengah pelajar bermotivasi untuk bekerja lebih keras, dan mengapa sesetengah yang lain cenderung kepada ketidakupayaan dan berputus asa.

Dari dapatan kajian boleh dilihat kebanyakan responden memberi maklumbalas yang agak lemah kepada tahap kepercayaan sendiri dari aspek keupayaan dan kemahiran diri di mana min yang dicapai agak rendah bagi item berkaitan keupayaan menyelesaikan tugas tanpa bantuan orang lain. Ini menunjukkan implikasi konsep sendiri berkaitan kepercayaan kepada keupayaan diri yang mana pelajar merasakan mereka masih lagi perlu dipandu dan kurang berupaya untuk bekerja secara sendiri. Yaman Köseoğlu (2015), menerangkan bahawa sesetengah pelajar kurang berkemungkinan untuk mencuba tugas yang mencabar dan berisiko untuk mencapai pencapaian akademik yang lebih rendah kerana mereka percaya kecerdasan adalah tetap dan stabil. Pelajar sebegini mempunyai keinginan yang tinggi untuk membuktikan diri mereka kepada orang lain, suka dilihat sebagai seorang yang bijak, tetapi lebih suka mengelak daripada membuat tindakan yang lebih berkesan dan berusaha menjadi pelajar yang tidak bergantung.

Hasil dapatan kajian bagi konstruk tahap kepercayaan kecerdasan diri bagi aspek keyakinan sendiri pelajar juga menunjukkan pencapaian sederhana tinggi. Secara umumnya, keyakinan diri boleh ditakrifkan sebagai pengiktirafan individu terhadap kebolehan diri, menyayangi diri dan sedar akan emosi sendiri (Özbey, 2004 dalam Ali Haydar Sar, 2010). Keyakinan diri boleh dikelaskan kepada dua kategori iaitu keyakinan dalaman dan keyakinan luaran. Unsur-unsur yang membentuk keyakinan dalaman ialah menyayangi diri sendiri, pengetahuan sendiri, bermatlamat yang jelas, dan berfikir secara positif. Manakala keyakinan dalaman ialah idea dan perasaan seseorang individu merangkumi perasaan gembira dan tenang (Akagündüz, 2006 dalam Ali Haydar Sar, 2010). Menurut Rutledge (2000), individu yang mempunyai keyakinan diri yang rendah mengalami kesukaran untuk membuat keputusan, memikul tanggungjawab dan berkomunikasi dengan orang lain. Justeru itu, individu yang mempunyai keyakinan dalaman yang tinggi berpuas hati dengan diri sendiri, mempunyai harga diri yang tinggi dan sentiasa mempunyai sasaran yang jelas lebih cenderung mencapai sasaran dan pencapaian yang lebih baik.

Kehidupan universiti memainkan peranan penting dalam membangunkan keyakinan diri pelajar. Semasa belajar di universiti, pelajar perlu berkomunikasi dengan lebih berkesan, memulakan tugas baharu dan berjaya dalam kehidupan

akademik (Koç ve Polat, 2006 dalam Ali Haydar Sar et al (2010). Oleh yang demikian, individu pelajar perlu lebih bersedia dengan keyakinan yang tinggi terhadap keupayaan sendiri dan bermotivasi serta positif dalam menghadapi cabaran semasa pengajian bagi memastikan dapat bergraduasi dengan cemerlang. Walaupun hasil dapatan kajian menunjukkan keyakinan diri pelajar adalah sederhana secara keseluruhannya, namun responden menunjukkan tahap kepercayaan diri yang tinggi bagi KUIS dan UNISEL yang mana skor pencapaian min adalah 4.30 bagi item berkaitan keyakinan yang tinggi untuk bergraduasi dengan keputusan yang cemerlang. Ini menunjukkan tahap kepercayaan sendiri yang tinggi yang mungkin dipengaruhi oleh faktor pencapaian akademik pelajar sendiri yang mana 97% responden terdiri dari pelajar yang mencapai CGPA 3.00 ke atas. Menurut Özegintokinan (2008) dalam Ali Haydar Sar et al (2010) pelajar yang mempunyai tahap efikasi sendiri, tahap keyakinan diri dan motivasi yang tinggi akan mempunyai matlamat terhadap kejayaan akademik yang tinggi. Hasil dapatan kajian Ali Haydar Sar et al (2010) juga menunjukkan keyakinan diri pelajar adalah di tahap sederhana dan tinggi, namun berbeza-beza mengikut jantina dan program pengajian. Dapatan kajian bagi program pendidikan sukan mempamerkan keyakinan diri yang rendah dan menjejaskan kejayaan akademik dan sukan mereka secara negatif. Hal ini bermakna tahap kepercayaan dari aspek keyakinan diri dengan keupayaan dan motivasi perlu selari supaya pelajar berinisiatif untuk meletakkan matlamat yang lebih tinggi dalam mencapai kejayaan.

Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian menunjukkan wujudnya hubungan antara konsep kepercayaan diri ke atas pencapaian akademik pelajar. Pandangan pelajar terhadap kecerdasan boleh diubah melalui intervensi dengan mengajar mereka bahawa kecerdasan boleh dikembangkan. Pelajar perlu diberi pendedahan kepada pemahaman dan kepercayaan bahawa keupayaan otak manusia adalah seperti otot yang boleh dilatih secara konsisten dan berupaya membentuk sambungan baru.

5.0 RUJUKAN

- Acosta-Gonzaga E. The Effects of Self-Esteem and Academic Engagement on University Students' Performance. *Behav Sci (Basel)*. 2023 Apr 21;13(4):348. doi: 10.3390/bs13040348. PMID: 37102862; PMCID: PMC10136102.
- Ali Haydar üara , Ramazan Avcub, Abdullah lüÖklar. (2010). Analyzing Undergraduate Students' self Confidence Levels In Terms Of Some Variables. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 5 (2010) 1205–1209
- Dewar, G. (2010). Harmful Beliefs: How a Theory of Intelligence Can Hamper Your Child's Ability to Learn. *Parenting Science*. Retrieved from <http://www.parentingscience.com/theory-of-intelligence.html>
- Dweck, C. S. (1999). Person Versus Process Praise And Criticism: Implications For Contingent Self-Worth And Coping. *Developmental Psychology*, 35(3), 835–847.
- Lauster, Peter. 2002. Tes Kepribadian. Jakarta: Bumi Aksara
- Laryea, J.E., Sanni, A.J. & Dawson-Brew, E. (2014). Influence Of Students Self-Concept On Their Academic Performance In The Elmina Township. *European Journal of Research and Reflection in Educational Sciences* 2(4), 1-10
- Najme Nasiri , Majid Barzegar , Maryam Kouroshnia , Nadere Sohrabi. (2022). Personality Traits, Implicit Theories of Intelligence and Academic Performance: Mediating Role of Adaptability. *IIEPJ Vol. 4, No. 2, 202 2, 311 - 3 2 0* <http://ieepj.hormozgan.ac.ir/>

- Nur Fauziah. 2017. Studi Komparasi Kepercayaan Diri Mahasiswa Alumni Pondok Pesantren Dan Non Pondok Pesantren Dalam Menyelesaikan Skripsi. Kediri : STAIN KEDIRI.
- Rutledge, T. (2000). *Earning Your Own Respect : A Handbook of Personal Responsibility* Sophomore Talle Vacalares , Jamaica Ocliaman, Jessa Mae Maglangit , Fraxine Gail R. Ledesma. (2023). The Self-Esteem and Academic Performance in Purposive Communication Class at the Tertiary Level. *International Journal of Research and Review* Vol. 10; Issue: 6; June 2023
- Yaman Köseoğlu. (2015). Self-Efficacy and Academic Achievement – A Case From Turkey. *Journal of Education and Practice*. Vol.6, No.29, 2015.
- Zahra Shabani et al .(2022). The Causal Relationship between Intelligence Beliefs and Performance in the Chemistry Course with the Mediating Role of Emotion Self-Regulation in Female Senior High School Students in Mahmudabad. *Iranian Journal of Learning and Memory* 2022 , 5(17).